

Headline	Cantas pokok setahun dua kali		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	40	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	337 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,850



Cantas pokok setahun dua kali

Pemantauan berdasarkan jenis pokok

SHAH ALAM – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengadakan pemantauan sekurang-kurangnya sekali setahun berdasarkan jenis pokok bagi mengelakkan berlaku kejadian pokok tumbang.

Pegawai Pertanian Unit Pengurusan Pokok Rendang, Norazam Mohamed Nor berkata, pihaknya menjalankan pemantauan dengan membuat cantasan dua kali berdasarkan jenis pokok.

Katanya, bagi jenis yang membesar cepat, cantasan akan dilakukan dua kali setahun manakala hanya sekali dilakukan bagi jenis lambat tumbesarananya.

"DBKL akan menebang pokok yang sudah mati atau pun sekiranya berlaku vandalisme."

"Kita buat pemantauan berdasarkan pecahan Parlimen dan di Kuala Lumpur terdapat 11 kawasan di mana ada empat penolong pegawai pertanian serta lapan pembantu pertanian untuk pantau seluruh bandar raya."

"Bukan kita (DBKL) sahaja lakukan pemantauan malah kita melantik kontraktor untuk bantu lancarkan tugas kita kerana kekangan jumlah kakitangan," katanya kepada *Sinar*

Harian ketika diminta mengulas mengenai langkah dijalankan oleh DBKL bagi menangani kejadian pokok tumbang di Kuala Lumpur.

Norazam berkata, bagaimanapun kata-nya, DBKL menghadapikekangan untuk menyelenggara sekiranya pokok itu berada di kawasan tanah persendirian.

Menurutnya, DBKL hanya menjalankan pemantauan serta penyelenggaraan di bawah kawasan seliaannya.

"Kalau ada berlaku apa-apa kejadian pokok tumbang di kawasan tanah persendirian, kita cuma bantu alihkan."

"Berhubung penyelenggaraan kita akan han-

tar notis terlebih dahulu kepada pemilik kawasan tersebut untuk mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Norazam berkata, berdasarkan pemantauan dilaksanakan itu, kebanyakan kejadian pokok tumbang bukan melibatkan pokok di tepi jalan sebaliknya yang berada di barisan kedua atau pun ketiga.

Menurutnya, banyak juga pokok ditanam pada awal 1980-an mengalami kejadian dahan patah

tetapi tidak melibatkan akar.

"Kalau dilihat *pattern* di Kuala Lumpur ini, memang sekarang susah nak meramalkan coraknya."

"Tapi kebanyakan yang tumbang (pokok) bukan yang tepi jalan sebaliknya pokok-pokok di belakangnya kerana kita sering adakan pemantauan pokok di tepi jalan," katanya.

Norazam berkata, DBKL mendapatkan nasihat daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Jabatan Landskap Negara berhubung jenis pokok yang sesuai ditanam.

Menurutnya, berdasarkan garis panduan ditetapkan, DBKL memilih menanam pokok jenis Merawan Siput Jantan.

Katanya, kawasan dibenarkan adalah yang mempunyai ruang lebih satu meter dan sekiranya kurang hanya dibenarkan untuk pokok renek.

"Pokok ini kurang kos penyelenggaraannya kerana dahannya jatuh sendiri dan kita tanamnya di kawasan kurang laluan orang ramai."

"Tumpuan orang ramai kita akan tanam pokok bersaiz medium iaitu pertumbuhannya segerhana bukan jenis terlalu cepat," katanya.

Norazam berkata, kerajaan menetapkan DBKL supaya menanam 30,000 pokok setiap tahun.



NORAZAM

Headline	Cantas pokok setahun dua kali		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	40	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	337 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,850



DBKL melakukan kerja penyelenggaraan bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang di ibu kota.